

Headline	Semua venue selamat digunakan		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	06 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	120,848
Page No	61	Readership	269,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM	AdValue	RM 2,983
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,950



Semua venue selamat digunakan

Azlan yakin Perlis sudah bersedia anjur Sukma 2014

MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

MENTERI Besar Perlis, Azlan Man memberi jaminan semua bangunan dan kemudahan untuk Sukan Malaysia (Sukma) 2014 dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan selamat untuk digunakan.

Azlan berkata, kerajaan negeri tidak berkompromi dalam soal keselamatan membabitkan atlet dan orang ramai dalam usaha menyiapkan semua kemudahan itu mengikut jadual.

"Saya ingin memberitahu bahawa tiada perubahan skop kerja dan spesifikasi dibuat semata-mata supaya semua kemudahan yang disediakan siap sebelum temasya bermula pada 24 Mei ini.

"Semua kemudahan ini dijamin selamat untuk digunakan," kata Azlan kepada pemberita selepas menyaksikan penyerahan gelanggang tinju, astaka tenis serta asrama dan pejabat Majlis Sukan Negeri (MSN) oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) iaitu agensi pelaksana projek kepada MSN di Kangar kelmarin.

Pengarah JKR Perlis, Azizan Abdul Rahman menyerahkan replika kunci untuk

ketiga-tiga kemudahan itu yang bernilai hampir RM12 juta kepada pengarah MSN Perlis, Muhd. Azahari Ramli selepas ke-

dua-duanya menandatangani surat serah terima aset itu.

Azlan berkata, kolam renang dan sembilan lagi kemudahan antaranya dewan badminton, skuasy, Stadium Utama dan Kelab Golf dalam peringkat sentuhan akhir dan kontraktor dijangka menyerahkannya kepada MSN sebelum akhir bulan ini.

"Semua infrastruktur itu masih dalam tempoh tanggungan kontraktor. Sebarang kerosakan yang mungkin berlaku menjadi tanggungjawab kontraktor," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan binaan adalah daripada struktur sedia ada dan masih kukuh tetapi perlu dinaik taraf bagi menjadikannya selamat digunakan.

Mengulas mengenai penginapan, beliau berkata, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Arau menjadi tempat penginapan utama kepada lebih 6,500 atlet dan pegawai.



AZIZAN (kiri) bertukar dokumen dengan Azahari sambil diperhatikan Azlan pada majlis penyerahan gelanggang tinju, astaka tenis serta asrama dan pejabat MSN oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di Kangar kelmarin.